

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 7 TAHUN 2024**

Tarikh : 30 Julai 2024 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi – 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JULAI 2024

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai 2024 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang ketujuh bagi tahun 2024 dan merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya pertama yang dipengerusikan oleh beliau. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua pihak, termasuk sektor awam dan swasta untuk mengibarkan Jalur Gemilang di premis masing-masing sepanjang tempoh sambutan Bulan Kebangsaan. Langkah ini sebagai tanda taat setia, pengorbanan dan mendukung semangat kemerdekaan yang diperoleh tanah air sejak 67 tahun yang lalu.

Sambutan Hari Kebangsaan kali ini yang bertema 'Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka' harus dijadikan sebagai tahun mempamerkan kemegahan rakyat dan negara. Sambutan tahun ini juga akan menjadi petanda baharu untuk berkongsi matlamat sama, iaitu mengangkat Malaysia sebagai negara gemilang.

Perdana Menteri turut mengingatkan anak-anak muda supaya mengerti makna sebenar kemerdekaan yang dicapai negara sejak sekian lama. Kemerdekaan yang dicapai dahulu dibayar dengan darah, air mata, keringat dan pengorbanan.

MBSJ telah mengambil tindakan memasang jalur gemilang di premis-premis dan jalan-jalan protokol Majlis bagi menunjukkan tanda sokongan dan cintakan Negara Malaysia.

Kerjasama semua warga kerja, agensi / syarikat / premis perniagaan serta penduduk di kawasan pentadbiran MBSJ adalah dipohon supaya bersama-sama memberikan semangat dan sokongan untuk mengibarkan Jalur Gemilang di semua premis perniagaan, rumah kediaman dan kenderaan persendirian atau kenderaan rasmi Majlis sehingga 16 September 2024. Semua pemilik premis dimohon untuk menjaga kebersihan dan keceriaan bangunan serta mengindahkan persekitaran dengan pemasangan lampu pada waktu malam. Jabatan Pelesenan MBSJ akan menguar-uarkan arahan pemasangan bendera kepada premis-premis perniagaan di kawasan pentadbiran MBSJ.

- ii) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menghantar penyertaan peserta dan menyertai reruai pameran semasa Selangor International Business Summit (SIBS) 2024 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 25 – 27 Julai 2024. Program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

- iii) Seterusnya pemakluman berkaitan Minggu Ekonomi dan Kewangan Awam (MEKA) yang dianjurkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), bertemakan “Memperkasakan Ekonomi dan Merealisasikan MADANI” akan diadakan pada 2 Ogos 2024, hari Jumaat jam 9.00 pagi.

Program ini bertujuan untuk menyebarkan agenda, perancangan serta pelaksanaan dasar-dasar terkini negara seterusnya membuka ruang penjawat awam mengemukakan pandangan bagi membina ekonomi Malaysia yang mampan dan sejahtera. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor juga dijemput menyampaikan perkongsian pengalaman mengurus ekonomi Negeri Selangor.

- iv) Seterusnya, Datuk Bandar berkongsi berkenaan Majlis Menandatangani Memorandum of Agreement (MOA) yang telah dilaksanakan bersama-sama Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) pada pagi ini sebelum Mesyuarat Penuh. MOA ini adalah bagi tujuan pertandingan idea rekabentuk (DIC) untuk pembangunan baru Pasar Awam SK 10, Seri Kembangan.

Perancangan untuk pembangunan semula pasar awam SK10 ini telah dimulakan pada tahun 2015 berdasarkan keadaan fizikal semasa pasar ini yang telah uzur dan padat dengan peniaga serta pengunjung dimana faktor keselesaan dan keselamatan telah dipertikaikan.

Selaras saranan YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan semasa lawatan ke Bazaar Rakyat Seri Kembangan telah mengesyorkan setiap pembangunan baru milik kerajaan, pemilihan arkitek harus dibuat melalui Pertandingan Idea Rekabentuk (DIC).

Idea rekabentuk yang ditetapkan adalah sebuah pasar moden yang memenuhi elemen-elemen *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan kemudahan terkini sekaligus menjadi mercu tanda baharu di kawasan Seri Kembangan.

MBSJ telah memohon peruntukan sebanyak RM12.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua belas (RMK-12) Rolling Plan 5 (RP5) tahun 2025 daripada Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

Panel juri yang dicadangkan oleh pihak PAM adalah seramai 7 orang yang diketuai oleh 4 orang daripada pihak PAM dan 3 orang wakil MBSJ.

- v) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkenaan status terkini berkenaan bantahan kadar nilai tahunan. Sehingga jam 11.00 pagi 29 Julai 2024, MBSJ telah menerima sebanyak 5,495 bantahan daripada pemilik harta yang terkilan dengan Nilai Tahunan yang akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2025. Tempoh mengemukakan bantahan menerusi laman web MBSJ akan tamat pada 2 Ogos 2024, jam 11.59 tengah malam.

Kaunter semakan Senarai Nilai Baru yang bertempat di Laman Kenanga, Aras 1, Bangunan MBSJ yang dibuka mulai 27 Jun 2024 daripada jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang juga akan ditutup pada 2 Ogos 2024, jam 5.00 petang.

Bermula 27 Jun 2024 sehingga jam 11.00 pagi 29 Julai 2024, seramai 670 orang pemilik harta telah datang untuk membuat semakan. Selepas tempoh bantahan tamat, pihak Majlis akan menyemak semua bantahan yang diterima bagi tujuan penyusunan dan membuat jadual pendengaran bantahan di mana pemilik harta yang telah mengemukakan bantahan melalui saluran portal bantahan Majlis akan dipanggil untuk menghadiri sesi pendengaran bantahan yang dijangka akan diadakan mulai 19 Ogos 2024 di lokasi yang akan ditetapkan.

Panggilan mesyuarat juga akan dilakukan melalui portal bantahan dan pihak pembantah diminta untuk sentiasa peka terhadap hebahan mengenai tarikh dan lokasi mesyuarat yang akan diuar-uarkan di dalam media sosial MBSJ.

- vi) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kendiri di MBSJ yang telah diadakan pada 23 sehingga 26 Julai 2024. Pengauditan ini bertujuan untuk memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif di MBSJ melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga MBSJ.

MBSJ telah diaudit di seluruh Bangunan MBSJ termasuk pejabat-pejabat cawangan oleh 3 orang panel daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Hasil auditan, Alhamdulillah, MBSJ berjaya memperolehi 159 stiker amalan terbaik. Secara keseluruhannya, MBSJ telah melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam / EKSA Kendiri dan mematuhi sebahagian besar kehendak kriteria pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam / EKSA Kendiri MAMPU sekaligus layak menerima sijil EKSA.

- vii) Seterusnya, MBSJ akan mengadakan Mesyuarat Pelan Operasi Bajet Tahunan MBSJ pada 1 hingga 3 Ogos 2024. Antara perkara yang akan dibincangkan adalah pelaporan status pencapaian bajet dan prestasi Jabatan bagi setengah penggal 2024 serta perancangan anggaran bajet MBSJ bagi tahun 2025. Selain daripada itu, pembentangan berkenaan isu semasa Jabatan, pelaporan pengurusan aduan, pelaporan pengurusan media dan pencapaian anugerah turut akan dibincangkan. Mesyuarat ini melibatkan semua Ketua Jabatan dan Whip Parti Ahli Majlis.

- viii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTK) MBSJ 2024 akan dilaksanakan pada 11 Ogos 2024 hari Ahad bertempat di Jalan Kemajuan Subang, SS 16/1, Pusat beli-belah Subang Parade dan Masjid Darul Ehsan SS15 Subang Jaya. Program ini bermula dari jam 6.00 pagi hingga 11.00 pagi dan merupakan program ketiga yang

diadakan bagi tahun 2024 dengan menyasarkan 800 penyertaan daripada komuniti.

Edisi kali ini akan diadakan Program 'Subuh Macam Jumaat' di Masjid Darul Ehsan dengan kerjasama bersama Radio Zayyan (Astro Radio), Larian Santai Jiwa Merdeka 4.5KM serta *Wheels Of Wellness (Mental Health Fun Ride 35KM)*. Turut diadakan, Program Karnival Sihat Selangor peringkat MBSJ dengan tema 'Merdeka Denggi' yang akan berlangsung bermula 9 hingga 11 Ogos 2024. Pelbagai aktiviti telah dirancang berkaitan kesihatan dan antaranya ialah Kaunter Saringan Kesihatan (Serviks & Payudara, Mata, Tekanan Darah, BMI, Jantung dan Kencing Manis), Kaunter Pemeriksaan Gigi, Pameran Kesedaran Denggi, Pameran Kesihatan Mental, Pameran Nutrisi Makanan Kanak-kanak, Program Derma Darah, Program CHUPP (Catch Up Immunisation), *Explorace* Kenali & Musnah Aedes, Pameran Alam Sekitar, Pameran Cegah Jenayah oleh PDRM, Kaunter Lesen Anjing, Kaunter Mesra Rakyat MBSJ, *Eco Free Market*, Fiesta Sarapan Pagi di 'Food Culture', *Children Merdeka Carnival 2024* melibatkan Pertandingan Mewarna, Pertandingan Talent Show, Pertandingan Master Chef Junior Berkumpulan dan Pertandingan Alat Bantu Mengajar Menggunakan Barang Kitar Semula.

Diharapkan program ini dapat menarik ramai pengunjung dan penglibatan komuniti daripada pelbagai peringkat usia sekaligus memberikan persepsi positif terhadap usaha MBSJ dalam

merealisasikan program kelestarian alam sekitar *low carbon framework* (LCCF), kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

- ix) Seterusnya pemakluman berkaitan Program Perarakan Konvoi 'Jiwa Merdeka' Subang Jaya 2024 yang akan diadakan pada 31 Ogos 2024, hari Sabtu. Dianggarkan sebanyak 30 buah kereta klasik dan motosikal berkuasa tinggi pelbagai model akan menyertai konvoi ini bermula di Ibu Pejabat, Majlis Bandaraya Subang Jaya dan berakhir di perkarangan Pusat beli-belah Da Men Mall, Subang Jaya.

Selain aktiviti konvoi merdeka, turut diadakan pelbagai aktiviti lain sempena hari kemerdekaan di dalam Pusat beli-belah Da Men Mall antaranya adalah Pertandingan Pakaian Kostum Tradisional, Pertandingan Akhir Nyanyian Lagu Patriotik (Kategori Sekolah Rendah dan Menengah), Persembahan Koir serta kombo bertemakan lagu-lagu patriotik dan kebangsaan, cabutan bertuah serta Tarian Muhibbah.

Program ini turut dihadiri Atlet Lagenda Negara seperti Dato' Dollah Salleh, Datuk Rashid Sidek, Dato' Haji Abdul Malek Mohamed Noor, Datuk Zaiton Othman, Datuk Foo Kok Keong, Datuk Marina Chin Abdullah dan Goh Liu Ying.

- x) Akhir sekali, Datuk Bandar memaklumkan berkaitan situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-29 tahun 2024, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 5,806 kes positif demam

denggi. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 26.9% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama pada tahun 2023 iaitu sebanyak 4,577 kes.

Pada minggu epid 29 ini juga, sebanyak 14 lokaliti hotspot telah dilaporkan. Kawalan dan pencegahan demam denggi telah dijalankan seperti pemeriksaan tempat pembiakan, *larvaciding*, dan pengwasapan. Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi.

Penduduk dinasihatkan melakukan kempen 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat pembiakan bagi memastikan tiada takungan air yang boleh menjadi punca pembiakan Aedes. Selain itu, pihak komuniti turut digalakkan menjalankan aktiviti gotong royong bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Sekiranya terdapat gejala demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di klinik-klinik dan hospital terdekat. Tiada Aedes, tiada Denggi.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2024

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 27 Jun 2024 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2024

Tiada maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 27 Jun 2024 (Khamis).

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2024 bertarikh 25 Jun 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 13/2024 bertarikh 9 Julai 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 10 Julai 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 12 Julai 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 14	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Program Persahabatan Bandar Hioki - MBSJ	Beliau memohon supaya Ahli Majlis dilibatkan dalam program lawatan balas MBSJ ke Hioki bagi Program Persahabatan Bandar Hioki-MBSJ. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan arahan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>supaya PBT tidak melaksanakan program bandar berkembar dengan bandar di negara lain memandangkan perkara ini adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat meminta jasa baik Encik M. Anbarasan a/l Murugesu, Whip PKR untuk berbincang dengan YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli, Menteri Ekonomi Malaysia bagi penjelasan lanjut berkenaan arahan tersebut dan memohon untuk mendapatkan pengecualian bagi MBSJ seperti yang telah diperolehi oleh Perbadanan Putrajaya sebelum ini.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2024 bertarikh 15 Julai
2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis
Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2024 bertarikh 16 Julai 2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis
Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2024 bertarikh 17 Julai 2024**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 22 Julai 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2024 bertarikh 22 Julai 2024

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Cadangan Pertukaran Datuk Bandar bagi Kuasa Menandatangani Arahan Pengeluaran Wang, Baucer dan Cek Perbankan Majlis Bandaraya Subang Jaya (Kertas Mesyuarat bil. 8/7/2024)

Kertas cadangan ini telah disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, Pengarah Perbendaharaan MBSJ.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima kertas cadangan pertukaran Datuk Bandar bagi kuasa menandatangani arahan pengeluaran wang, baucer dan cek perbankan Majlis Bandaraya Subang Jaya berkuat kuasa 22 Julai 2024.

Tindakan :
Jabatan Perbendaharaan

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim daripada WHIP Parti Amanah.

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.


Tarikh Disediakan : 1 Ogos 2024

" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;




(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
5. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
6. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
7. Encik Chia Yew Ken - "
8. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
9. Puan Ng Seow Chen - "
10. Encik Thong Kim Fatt - "
11. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli - "
12. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
13. Encik Thomas Low Yew Sin - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Tuan Ir. Balachandran Naicker | - | " |
| 15. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 16. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 17. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 18. | Puan Sarawati binti Mukhtar | - | " |
| 19. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 20. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 23. | Encik Khairol Basri bin M.Arif | - | " |
| 24. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |
| 25. | Encik Saidin bin Awang | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|---|
| 26. | Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan |
| 27. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 28. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |

29. Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
30. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
31. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
32. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CEO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
33. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
34. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
35. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
36. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
37. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
39. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
40. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam

41. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
42. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
44. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
45. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUS SETIA

46. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Puan Sakinah binti Mohammad
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - Ahli Majlis
2. Encik Nanthakumar a/l Poapalan - "

